

27/01/2001

Wisma Putra panggil wakil Singapura

KUALA LUMPUR, Jumaat - Wisma Putra hari ini memanggil Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia, K Kesavapany, berhubung kenyataan Perdana Menteri republik itu, Goh Chok Tong, yang menimbulkan kontroversi di kalangan rakyat tempatan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Kesavapany dipanggil tengah hari tadi untuk memberikan penjelasannya dan pada masa yang sama Malaysia juga mahu menyatakan pendapatnya berhubung perkara itu.

"Adalah amat malang ketika kita berusaha untuk menyuntik keyakinan yang lebih tinggi dalam hubungan dua hala, kenyataan seperti itu mencetuskan rasa tidak senang hati dan mengguris perasaan kebanyakan rakyat Malaysia.

"Komen pemimpin Singapura mengenai kedudukan ekonomi orang Melayu di Malaysia dan dibandingkan pula dengan Melayu di republik itu, tidak menyumbang ke arah mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi meningkatkan lagi hubungan dua hala," katanya di sini.

Ahad lalu, Goh mendakwa masyarakat Melayu di republik itu tidak pernah dipinggirkan, sebaliknya lebih maju berbanding Melayu Malaysia.

Malah, Goh dalam ucapannya di satu majlis mendakwa, masyarakat Melayu Singapura mendapat pendidikan lebih baik, profesional, berpendapatan lumayan serta menikmati kehidupan lebih baik daripada rakan mereka di Malaysia.

Kenyataannya itu menimbulkan rasa tidak senang hati di kalangan pemimpin, pertubuhan dan orang ramai di negara ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, orang Melayu di Malaysia tidak boleh disifatkan lemah dan tidak mampu melaksanakan tanggungjawab besar kerana mereka sudah membuktikan mampu melaksanakan pelbagai tugas berat.

Menurut Perdana Menteri, tiada sesiapa pun yang boleh menganggap orang Melayu Malaysia sebagai masyarakat yang lemah dari aspek pemikiran, sekali gus menyebabkan mereka tidak mampu melaksanakan tanggungjawab besar.

Kesavapany tidak dapat dihubungi untuk mengulas reaksinya terutama tindakan lanjut beliau setelah dipanggil Wisma Putra.

Bagaimanapun, Syed Hamid berkata Malaysia tidak akan menghantar bantahan rasmi mengenai perkara itu kerana sudah memadai dengan memanggil Pesuruhjaya Tingginya bagi menjelaskan pandangan Malaysia.

Syed Hamid berkata, kenyataan Goh menyinggung perasaan dan sensitiviti orang Melayu di negara ini dan Malaysia menganggap ia sebagai satu campur tangan dalam hal ehwal dalaman.

"Kita berasa kesal atas kenyataan itu. Malah, kenyataan itu sendiri bagaikan mempersoal keberkesanan kerajaan Malaysia meningkatkan taraf hidup rakyatnya," katanya.

Syed Hamid berkata, walaupun hubungan Malaysia-Singapura kerap dilanda kontroversi, negara ini tetap berusaha untuk memperbaiki hubungan dua hala berdasarkan semangat saling mempercayai.

Bagaimanapun, katanya, ini memerlukan kedua-dua pihak supaya lebih peka dan mengelak daripada mengeluarkan kenyataan yang boleh menimbulkan rasa tidak senang hati.

Beliau berkata, berdasarkan hakikat ini juga, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengadakan lawatan rasmi ke Singapura bagi mempromosikan semangat kejiranan yang baik-baik dan muhibbah.

Pegawai Wisma Putra ketika dihubungi menjelaskan bahawa lawatan itu yang

dijadualkan pada 7 hingga 9 Februari ini sudah dirangka lebih awal, bukan dibuat secara tergesa-gesa berikutan kontroversi Goh itu.

(END)